KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

RTS LINK: SIMULASI PENGOPERASIAN PENUH NIISe BERMULA 1 DISEMBER 2026

1. **PUTRAJAYA, 27 November 2026 –** Bermula 1 hingga 15 Disember 2026, simulasi pengoperasian penuh Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) akan dilaksanakan di Stesen RTS Bukit Chagar, Johor Bahru, diikuti Stesen RTS Woodlands, Singapura pada 16 hingga 30 Disember 2026.

2. Simulasi yang dilaksanakan oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) ini merupakan langkah proaktif Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi memastikan kesiapsiagaan sistem, anggota dan kemudahan pemeriksaan imigresen menjelang pengoperasian RTS Link Johor Bahru–Singapura.

3. Stesen RTS Bukit Chagar akan mengguna pakai NIISe sepenuhnya bagi semua urusan pemeriksaan dan pelepasan imigresen, sekali gus menandakan satu lagi langkah penting dalam transformasi digital pengurusan sempadan negara.

4. Pelaksanaan simulasi ini melibatkan pengujian kestabilan sistem NIISe, termasuk penggunaan aplikasi MyNIISe, kod QR dan pintu pagar automatik (eGate), serta kelancaran aliran pergerakan penumpang dan penyelarasan prosedur operasi standard (SOP) di bawah konsep penempatan bersama (co-location) kemudahan kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) antara Malaysia dan Singapura.

5. Sehubungan itu, bakal pengguna perkhidmatan RTS Link digalakkan memuat turun aplikasi MyNIISe dan melengkapkan pendaftaran lebih awal bagi memudahkan urusan perjalanan rentas sempadan apabila perkhidmatan tersebut mula beroperasi kelak.

6. Pemanfaatan teknologi dan peningkatan kesiapsiagaan penguatkuasaan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh keselamatan sempadan negara, di samping menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, pantas dan selamat kepada rakyat.

Kementerian Dalam Negeri
27 November 2026

— TAMAT —

Pertanyaan Media:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Dalam Negeri
mediaukom@moha.gov.my | pro@moha.gov.my